



**4**

### **Apakah kesalahan-kesalahan yang sering berlaku dalam proses berpoligami?**

Menjadi suatu kesalahan kepada mereka yang berpoligami dengan berkahwin terlebih dahulu tanpa kebenaran Mahkamah. Banyak pasangan memilih untuk berkahwin di luar negara seperti di Selatan Thailand kerana tiada keperluan untuk mendapatkan kebenaran Mahkamah. Sekiranya ini berlaku, pasangan tersebut telah melakukan dua kesalahan iaitu berkahwin di luar negara tanpa kebenaran Mahkamah dan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah yang masing-masing boleh didenda tidak lebih daripada RM1,000.00 atau dipenjarakan selama 6 bulan atau keduanya sekali.



**5**

### **Apakah Jabatan Bantuan Guaman boleh memberi bantuan kepada pihak isteri yang suaminya membuat permohonan untuk berpoligami di Mahkamah?**

Jabatan Bantuan Guaman tidak mempunyai bidang kuasa bagi kes poligami. Walau bagaimanapun, Jabatan Bantuan Guaman boleh memberi bantuan nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam isu poligami tetapi tidak mewakili pihak-pihak dalam permohonan berpoligami di Mahkamah.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman Malaysia di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT  
JABATAN BANTUAN GUAMAN MALAYSIA  
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL  
UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA  
NO. TELEFON : 03-88851000  
NO. FAKSIMILE : 03-88851829 /  
1830 / 1831  
LAMAN WEB : [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)  
SMS : Taip JBG MENU  
dan hantar ke 15888**

CATATAN:  
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

# **POLIGAMI**



Diterbitkan oleh  
**JABATAN BANTUAN GUAMAN**



# 1

## Apakah yang dimaksudkan dengan poligami?

Di bawah undang-undang Islam, poligami bermaksud seorang lelaki Islam berkahwin dengan lebih daripada seorang isteri (sehingga empat) dengan syarat bahawa dia boleh berlaku adil kepada isteri-isterinya sebagaimana yang terkandung dalam **Surah An Nisa' (4):3**.

**“...maka kahwinilah wanita-wanita yang kamu senangi; dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang sahaja...”**.



# 2

## Apakah perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam kebenaran berpoligami?

Tidak semua lelaki yang sudah berkahwin boleh berpoligami dan mengambil jalan mudah untuk berpoligami.

Antara kriteria yang akan dipertimbangkan oleh Mahkamah Syariah dalam meluluskan permohonan berpoligami ialah –

- (a) beliau seorang yang sihat jasmani dan rohaninya serta mempunyai sifat tanggungjawab;

- (b) beliau mempunyai kemampuan material yang mencukupi untuk menanggung isteri-isteri, anak-anak dan orang yang diletakkan di bawah tanggungannya;
- (c) beliau bersedia dan boleh untuk memberi dan menunjukkan sifat kasih sayang terhadap isteri-isteri, anak-anak dan orang yang diletakkan di bawah tanggungannya dengan cara saksama dan adil;
- (d) beliau bersedia dan mampu untuk menjadi ketua, pelindung kepada isteri-isteri, dan anak-anak serta orang yang diletakkan di bawah tanggungannya berhubung dengan pelajaran, kesihatan, keselamatan dan kebajikan sosial;
- (e) beliau bersedia dan boleh berlaku adil terhadap isteri yang sedia ada, anak dan orang yang menjadi tanggungannya;
- (f) isteri yang sedia ada tidak dapat memikul tanggungjawab sebagai isteri kerana sakit atau selalu keuzuran;
- (g) isteri yang sedia ada tidak dapat melahirkan anak atau zuriat kerana kemandulan.

Syarat tambahan berpoligami bagi anggota Polis dan Tentera:

Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ingin berpoligami, masing-masing perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Polis/Pegawai Memerintah Negara.



# 3

## Apakah tatacara permohonan untuk berpoligami?

Seseorang lelaki yang ingin berpoligami perlu membuat permohonan dengan menyertakan affidavit sokongan berserta dengan alasan mengapa perkahwinan itu patut dilangsungkan. Permohonan tersebut perlu dimajukan ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendapatkan perintah kebenaran berpoligami. Affidavit ialah akuan bersumpah yang mengandungi kenyataan yang berikut:

- (a) alasan permohonan berpoligami;
- (b) pendapatan pemohon;
- (c) butir-butir komitmen seperti perbelanjaan, hutang dan sebagainya.

Mahkamah Tinggi Syariah, apabila menerima permohonan, akan menetapkan tarikh bicara dan akan memanggil mereka yang terlibat iaitu pemohon, isteri atau isteri-isteri yang sedia ada, bakal isteri, wali bakal isteri dan mana-mana orang yang boleh dipanggil untuk memberi keterangan. Perbicaraan ini akan diadakan dalam mahkamah tertutup.